

PM-KEWANGAN

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS. 2200 MALAM INI, 10 FEB.

¹⁹⁸⁴
KUALA LUMPUR, 10 FEB. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYARANKAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN MENCIPTA MEKANISME BARU BAGI MENGUMPUL JUMLAH TABUNGAN YANG DIPERLUKAN.

KATANYA, MALAYSIA PADA TAHUN-TAHUN HADAPAN MEMERLUKAN JUMLAH PELABURAN YANG TINGGI BAGI MENINGKATKAN SEKTOR PERUSAHAAN, PERTANIAN DAN PERLOMBONGANNYA SUPAYA DAPAT TERUS MENGATASI SEGALA PERSAINGAN. PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM SEMPENA MENYAMEUT JUBLI PERAK BANK NEGARA MALAYSIA DI SEBUAH HOTEL TERKEMUKA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SISTEM BANK BOLEH MEMAINKAN PERANAN PENTING SEBAGAI +PENGGERAK+ BAGI MENGWUJUDKAN SUASANA YANG SESUAI UNTUK PARA PENGUSAHA SEKTOR SWASTA DAN AWAM MENCUBA, MENGUBAH DAN MEMBUAT BARANG-BARANG BARU, PERKHIDMATAN BARU DAN Mencari PASARAN BARU. -- LAGI 2020/ZI
NNNN

ZCZC B632:
PM-KEWANGAN 2 KUALA LUMPUR

SISTEM BANK, TAMBAHNYA, MESTI SENTIASA BERUBAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJANGKA PADA TAHUN-TAHUN HADAPAN, JANGKAAN DAN KEHENDAK PELANGGAN KE ATAS SISTEM KEWANGAN AKAN MENINGKAT OLEH KERANA PERUSAHAAN MODEN TIDAK BERASASKAN KEPADA HARTA TETAPI SEBALIKNYA BERASASKAN KEPADA IDEA DAN PENGETAHUAN.

MENGAMBIL CONTOH +GENETIC ENGINEERING+, ELEKTRONIK DAN CARA-CARA PENGANGKUTAN YANG BARU SEBAGAI PERUSAHAAN YANG BERASASKAN PENGETAHUAN, PERDANA MENTERI BERKATA MASANYA SUDAH TIBA UNTUK MENGWUJUDKAN JENIS MODAL YANG DIKENALI DENGAN NAMA +VENTURE CAPITAL.+ +BANK NEGARA MESTI LAH MENKAKAJI DAN MERANCANG UNTUK MEMBOLEHKAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN MENGELUARKAN +VENTURE CAPITAL+ DI MANA KAJIAN MENUNJUKKAN BAHAWA MODAL JENIS ITU ADALAH PERLU DAN MENENTUKAN CARA-CARA PENILAIAN DAN URUSAN SUPAYA +CRACKPOTS, CRANKS DAN CONFIDENCE TRICKSTERS+ TIDAK MENDAPAT PENUANG.+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- LAGI 2023/ZI

DI SAMPING ITU, SISTEM BANK MESTI MENCUBA SEDAYA UPAYA BAGI MENANAM TABIAT UNTUK MENABUNG DI KALANGAN GENERASI MUDA, DAN MENEBAHKAN SIFAT MELABUR BAGI MASA DEPAN DAN BUKAN BERBELANJA UNTUK MASA KINI SAHAJA.

BELIAU MENGINGATKAN BANK-BANK PERDAGANGAN, SEBAGAI INSTITUSI YANG PALING RAPAT DENGAN ORANG RAMA, SUPAYA MENUMPUKAN PERHATIAN UNTUK MENGGALAKKAN PENABUNGAN DI SEMUA PERINGKAT DAN BUKAN SAHAJA KEPADA HARTA DALAM IMBANGAN BAYARAN MEKA.

+SISTEM BANK MESTI LAH SENTIASA MEMBANTU KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA MELALUI KEMUDAHAN KEWANGAN DAN KEPAKARAN PROFESIONAL MENGENAI KEWANGAN,+ KATANYA.

BANK SAUDAGAR, TERUTAMANYA, JENDAKLAH MELIBATKAN DIRI DENGAN AKTIF MEMBERI NASIHAT MENGENAI +VIABILITY+ PROJEK SWASTA ATAU AWAM KERANA MEREKA MEMPUNYAI +BACK-UP+ DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA BAGI MENDAPATKAN BANTUAN KEPAKARAN.

INI, KATA PERDANA MENTERI, ADALAH UNTUK MENINGKATKAN KEPAKARAN MENILAI DAN-MENGANALISA PROJEK YANG MERUPAKAN +JURANG YANG BESAR DALAM KEBOLEHANKITA MELAKSANAKAN PROJEK PERUSAHAAN YANG MENGUNTUNGAN.+ -- LAGI 2026/ZI

PM-KEWANGAN 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BANK-BANK PERDAGANGAN JUGA BOLEH MEMBANTU, SEBAGAI ORANG TENGAH, ANTARA PELABUR LUAR NEGERI DAN PELABUR TEMPATAN BAGI MENARIK PELABURAN ASING UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA.

+MEREKA BOLEH MEMBAWA RAKAN-RAKAN DARI LUAR NEGERI YANG MEMPUNYAI TEKNOLOGI DAN KEPAKARAN PEMASARAN, MEMBANYAK MENCARI PASARAN BARU DAN KEMUDAHAN KEWANGAN EKSPOR UNTUK PARA PENGEKSPOR KITA, + TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA SEMUANYA ITU MEMERLUKAN USAHA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT BAGI MEMASTIKAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN IYU DISEDIAKAN BAGI MENINGKATKAN EKSPOR.

+SAYA MEMANG BERSETUJU SEKIRANYA DIKATAKAN BAHAWA SISTEM BANK ADALAH INDUSTRI RAKYAT. PENABUNGAN TIDAK DAPAT DIGALAKKAN MELALUI KEMPEL-KEMPEL, SEKIRANYA RAKYAT TIDAK YAKIN DENGAN SISTEM BANK, + KATANYA.

BELIAU MENAMBAH KEYAKINAN ITU TIMBUL DARI KEYAKINAN TERHADAP AMANAH DAN KECEKAPAN MEREKA YANG MENGURUSKAN BANK, BERTANGGUNGJAWAB MEMEGANG AMANAH SEGALA PENABUNGAN RAKYAT, BALK YANG MISKIN DAN YANG KAYA.

+PERKHIDMATAN KEPADA RAKYAT ADALAH SATU TANGGUNGJAWAB YANG TIDAK BOLEH KITA ABAIKAN, + TEGAS PERDANA MENTERI. -- BERNAMA 2030/ZI